

**NO. SOALAN : 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**TARIKH : 15 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik terperinci kedatangan pelancong ke setiap negeri dan jumlah perbelanjaan mereka dari tahun 2016 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2015.

**JAWAPAN :**     **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2016, sejumlah 26,757,392 orang pelancong telah melawat Malaysia dengan peningkatan ketibaan sebanyak +4% berbanding tahun 2015. Selaras dengan peningkatan ketibaan tersebut, Malaysia telah merekodkan perbelanjaan pelancong sebanyak RM82.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak +18.8% berbanding tahun 2015.

Menurut Kajian Pemergian Pelawat Asing (DVS) yang dijalankan pada tahun 2016 oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia, didapati pelancong asing telah melawati ke beberapa negeri atau secara puratanya 1.23 negeri semasa berada di Malaysia. Anggaran ketibaan dan perbelanjaan pelancong asing bagi setiap negeri pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Ketibaan Pelancong</b>	<b>Pendapatan Pelancong bagi Negeri (RM)</b>
Kuala Lumpur	11.1 juta	26.5 bilion
Selangor	1.95 juta	4.4 bilion
Putrajaya	160 ribu	100 juta
Kedah/Perlis	2.65 juta	5.1 bilion

Penang	3.40 juta	11.8 bilion
Perak	1.36 juta	3.3 bilion
Negeri Sembilan	860 ribu	1.9 bilion
Melaka	2.81 juta	5.1 bilion
Johor	3.05 juta	8.9 bilion
Pahang	2.84 juta	8.6 bilion
Terengganu	210 ribu	500 juta
Kelantan	130 ribu	300 juta
Sarawak	1.34 juta	2.4 bilion
Sabah	1.02 juta	3.0 bilion
Labuan	160 ribu	200 juta
<b>Jumlah</b>	<b>*33.04 juta</b>	<b>82.1 bilion</b>

\*Secara purata pelancong asing melawat 1.23 negeri pada tahun 2016.

Sekian, terima kasih.